

| | |
|-----------|---------------|
| Newspaper | BERITA HARIAN |
| Date | 17 JUNE 2016 |

Manfaat ICT perkukuh ekonomi domestik: PM

BH - 17/6/2016

➔ Usahawan perlu pupuk semangat inovasi, kreativiti tingkat pertumbuhan

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bh.com.my

Malaysia perlu manfaatkan peluang disediakan menerusi perkembangan pesat bidang teknologi komunikasi maklumat (ICT) untuk terus memacu dan memperkukuh ekonomi domestik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata langkah itu bagi memastikan perkembangan ekonomi Malaysia kekal berada pada landasan tepat untuk terus berkembang.

"Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) meramalkan 2017 akan menjadi tahun mencabar. Pertumbuhan global dijangka hanya meningkat kepada 3.5 peratus pada tahun depan berbanding 3.2 peratus tahun ini.

"Sehubungan itu, kita mesti memanfaatkan kemajuan sains

dan teknologi, selain memupuk semangat inovasi serta kreativiti dalam kalangan usahawan untuk meningkatkan ekonomi domestik," katanya ketika berucap pada Majlis Konsultasi Bajet 2017 di Kementerian Kewangan, di Putrajaya, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah; Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chua Tee Yong dan Datuk Johari Abdul Ghani serta Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah.

Revolusi Industri Keempat

Najib, yang juga Menteri Kewangan, menegaskan negara perlu mengambil kesempatan sepenuhnya daripada perkembangan perkongsian ekonomi digital yang semakin penting, terutama dengan bermulanya Revolusi Industri Keempat.

"Ada kedengaran cakap-cakap mengenai Revolusi Industri Keempat, yang menggambarkan revolusi digital dan dicirikan dengan sistem siber fizikal. Revolusi ini didayakan secara popularisasi peranti mudah alih, kuasa pemprosesan luar biasa, kapasiti simpanan dan akses kepada pengetahuan.

"Dengan memanfaatkan usaha terbabit, Malaysia boleh memperkukuhkan momentum pertumbuhan dan kekal bersedia apabila ekonomi global pulih sepenuhnya," katanya.

Info

➔ Malaysia catat

pertumbuhan 4.2 peratus pada suku pertama 2016, disokong kegiatan ekonomi terutama pelaburan dan penggunaan swasta ➔ **Malaysia catat** aliran masuk bersih pelaburan langsung asing yang kukuh RM15 bilion pada suku pertama 2016 berbanding RM9.9 bilion bagi tempoh sama tahun lalu

➔ Kerajaan komited

pastikan sasaran 3.1 peratus defisit fiskal tahun ini, lebih rendah berbanding 3.2 peratus pada tahun lalu ➔ **Majlis Konsultasi Bajet 2017** bertema 'Merencanakan Pertumbuhan, Memastikan Pengurusan Fiskal Berhemat, Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat' dihadiri lebih 200 wakil sektor swasta dan NGO

Tambah Perdana Menteri, selaras usaha untuk menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang 2020, kerajaan akan meningkatkan produktiviti pekerja dengan menyediakan peluang mempertingkatkan kemahiran kepada rakyat.

Perkasa, tingkat peranan wanita

"Malaysia juga perlu menjadi destinasi lebih menarik bagi bakat asing, malah kami akan meneruskan segala usaha untuk memperkasa dan meningkatkan peranan dimainkan golongan wanita di tempat kerja, termasuk pada peringkat lembaga pengarah," katanya.

Dalam pada itu, Najib menjelaskan majlis konsultasi berkenaan adalah sebahagian platform untuk kerajaan mendapat input, cadangan dan pandangan pihak swasta serta pertumbuhan bukan kerajaan (NGO), yang akan diperhalusi dan dibincangkan dalam mesyuarat Kumpulan Fokus tidak lama lagi bagi penyediaan Bajet 2017.

"Saya juga dimaklumkan lebih 90 institusi sudah mengemukakan memorandum masing-masing, yang meliputi isu makro, sektoral dan sosial.

"Saya harap memorandum dan perbincangan ini dapat mencetus idea baharu bagi merencanakan lagi usaha transformasi negara menjadi negara maju, inklusif dan mapan menjelang 2020," katanya.